

SOALAN-SOALAN LAZIM
BERKAITAN PELAKSANAAN KURIKULUM PENDIDIKAN PEMANDU (KPP) MOTOKAR DAN MOTOSIKAL (GABUNGAN)

SEBELUM MENDAPATKAN LESEN LDL

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah inisiatif Penggabungan KPP Motosikal dan Motokar?	Mana-mana individu yang pada masa ini telah mempunyai sama ada LMM kelas Motosikal (B2, B) atau Motokar (D, DA), dan berhasrat mendapatkan LMM dalam kelas yang lain (motosikal atau motokar), adalah dikecualikan daripada menghadiri Kelas KPP01 dan Ujian Undang-Undang Jalan Raya.
2.	Apakah kelas lesen yang terlibat di bawah Inisiatif ini?	Lesen Memandu Kelas Motosikal (Kelas : A, C, B2 dan B) dan Lesen Memandu Kelas Motokar (Kelas : A1, D, DA, F, G, H dan I)
3.	Bolehkah saya mengambil KPP Gabungan jika saya hanya ingin mengambil lesen motosikal dahulu?	Boleh, KPP Gabungan dibenarkan untuk mendapatkan lesen motosikal dan motokar sama ada secara serentak atau berasingan.
4.	Jika saya gagal ujian teori KPP01 (Gabungan), adakah saya perlu mengulang?	Ya, kerana syarat utama untuk mendapatkan semua kelas lesen perlu lulus ujian teori KPP01 (Gabungan)
5.	Jika saya sudah ada lesen B2, bolehkah saya mengambil lesen D tanpa melalui KPP01?	Ya tidak perlu melalui KPP01
6.	Adakah saya perlu membeli buku KPP (Gabungan) untuk kelas teori KPP01?	Ya, setiap calon perlu memiliki sebuah buku KPP (Gabungan) yang mempunyai ID nombor siri yang berdaftar dalam sistem mySIKAP
7.	Apakah syarat kelayakan untuk menyertai KPP Gabungan?	<ul style="list-style-type: none"> • Telah memiliki salah satu Kelas Motosikal atau Motokar. • Kelayakan umur bagi motosikal adalah kekal pada 16 tahun dan ke atas, manakala bagi motokar adalah 17 tahun dan ke atas.

		<ul style="list-style-type: none"> • Pemohon perlu mengaktifkan semula Lesen Belajar Memandu (LDL) dan membuat pembelian buku KPP dan seterusnya mendaftar di Institut Memandu. • Bebas daripada tindakan senarai hitam JPJ / PDRM dan tindakan Mahkamah.
8.	Jika saya sudah ada lesen B2, adakah saya perlu ambil semula KPP01 untuk lesen D?	Tidak, bermula 15 September 2023, pemegang lesen B2 tidak perlu mengambil KPP01 semula jika ingin mendapatkan lesen D.
9.	Berapa lama tempoh sah keputusan ujian KPP01 sebelum saya boleh memohon lesen LDL?	Keputusan ujian KPP01 sah selama 1 tahun dari tarikh lulus.
10.	Adakah ujian teori KPP01 dalam KPP Gabungan sama dengan ujian teori biasa?	Ya, ia sama. Soalan merangkumi undang-undang jalan raya, papan tanda, dan asas pemanduan.
11.	Jika saya gagal ujian KPP01, berapa kali saya boleh mengulang?	Tiada had pengulangan, tetapi perlu membayar yuran setiap kali mengambil semula ujian.
12.	Adakah kursus KPP Gabungan lebih cepat berbanding kursus biasa?	Ya, kerana kursus ini membolehkan anda mengambil lesen B2 dan D secara serentak, menjimatkan masa.
13.	Berapa kos keseluruhan untuk KPP Gabungan sehingga mendapatkan CDL?	Bergantung kepada sekolah memandu, anggaran sekitar RM1,500 - RM2,500 untuk kedua-dua lesen.
14.	Adakah KPP Gabungan melibatkan latihan untuk kedua-dua kenderaan serentak?	Tidak sepenuhnya. Latihan B2 dan D dilakukan berasingan, tetapi dalam tempoh yang lebih singkat.

15.	Bagaimana struktur latihan bagi KPP Gabungan berbanding KPP biasa?	Anda akan menghadiri satu kursus teori (KPP01) untuk kedua-dua kelas, kemudian menjalani latihan praktikal berasingan bagi motosikal dan kereta.
16.	Adakah KPP Gabungan lebih menimatkan masa berbanding mengambil lesen secara berasingan?	Ya, kerana anda hanya perlu menghadiri satu kursus teori dan boleh menyelesaikan kedua-dua lesen dalam tempoh lebih singkat.

SEMASA MENDAPATKAN LESEN LDL

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bolehkah saya memandu kereta atau menunggang motosikal di jalan raya dengan LDL tanpa pengajar?	Tidak. LDL hanya membolehkan anda berlatih di bawah pengawasan pengajar sekolah memandu.
2.	Jika saya kehilangan lesen LDL, bagaimana cara untuk menggantikannya?	Anda boleh mendapatkan salinan baru di JPJ dengan membawa kad pengenalan dan laporan polis jika perlu.

3.	Jika saya mempunyai LDL B2, bolehkah saya menambah kelas D kemudian tanpa perlu ulang KPP01?	Ya, anda tidak perlu mengulang KPP01 kerana telah lulus sebelum ini.
4.	Apakah syarat minimum latihan KPP02 dan KPP03 sebelum boleh mengambil ujian praktikal?	<ul style="list-style-type: none"> • B2: 6 jam latihan litar + 4 jam jalan raya • D: 10 jam latihan litar + 10 jam jalan raya
5.	Adakah sesi latihan untuk motosikal dan kereta boleh dilakukan pada hari yang sama?	Bergantung kepada sekolah memandu, tetapi biasanya dijadualkan berasingan.
6.	Jika saya gagal ujian KPP03, adakah saya perlu mengulang latihan semula?	Tidak wajib, tetapi disarankan mengambil beberapa sesi latihan tambahan sebelum mengulang ujian.
7.	Berapa lama tempoh menunggu antara latihan terakhir dan ujian praktikal?	Bergantung kepada kekosongan slot ujian JPJ, biasanya 1 hingga 3 minggu.
8.	Adakah terdapat had tempoh untuk menyelesaikan latihan praktikal setelah mendapat LDL?	Ya, lesen LDL sah selama 2 tahun. Jika tamat, anda perlu memperbaharui atau mengambil semula ujian teori.
9.	Jika saya ingin menukar sekolah memandu selepas memulakan latihan, apakah prosedurnya?	Anda perlu mendapatkan surat pelepasan dari sekolah asal dan mendaftar di sekolah baru.
10.	Jika saya berpindah ke negeri lain, adakah saya perlu mengulang semula latihan di tempat baru?	Tidak, tetapi anda perlu memindahkan rekod latihan anda ke sekolah memandu baru.
11.	Berapa lama tempoh sah lesen LDL jika saya mengambil KPP Gabungan?	LDL sah selama 2 tahun. Jika melebihi tempoh ini, perlu memperbaharui atau mengambil semula ujian teori.

12.	Apakah perbezaan latihan KPP Gabungan dengan latihan berasingan untuk lesen B2 dan D?	Dalam KPP Gabungan, latihan motosikal dan kereta dijadualkan dalam satu tempoh berbanding berasingan
13.	Jika saya mempunyai LDL B2 dahulu, adakah saya perlu buat LDL baru untuk D?	Ya, anda perlu memohon LDL baru untuk lesen D.
14.	Adakah saya perlu menghadiri KPP02 dan KPP03 untuk kedua-dua kelas secara berasingan?	Ya, kerana KPP02 (latihan litar) dan KPP03 (latihan jalan raya) adalah berbeza untuk motosikal dan kereta.
15.	Berapa jam latihan amali yang diperlukan dalam KPP Gabungan?	<ul style="list-style-type: none"> • B2: 6 jam di litar + 4 jam di jalan raya • D: 10 jam di litar + 10 jam di jalan raya
16.	Adakah saya boleh memilih untuk menyelesaikan latihan motosikal dahulu sebelum kereta?	Ya, kebanyakan sekolah memandu membenarkan anda memilih susunan latihan.
17.	Bagaimana ujian praktikal dijalankan dalam KPP Gabungan? Adakah dibuat serentak atau berasingan?	Ujian dibuat berasingan untuk motosikal dan kereta pada tarikh yang berbeza.
18.	Jika saya gagal ujian praktikal untuk satu kelas, adakah saya perlu mengulang kedua-duanya?	Tidak, anda hanya perlu mengulang ujian bagi kelas yang gagal.
19.	Adakah saya boleh menangguhkan latihan untuk salah satu kelas dalam KPP Gabungan?	Ya, tetapi lesen LDL tetap ada tempoh sah, jadi jangan tangguh terlalu lama.

20.	Apakah peraturan dan syarat jika saya ingin menukar sekolah memandu semasa proses latihan?	Anda perlu mendapatkan surat pelepasan dari sekolah memandu asal dan mendaftar di sekolah baru.
-----	--	---

DARI LESEN P (PERCUBAAN) KE CDL (KOMPETEN)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah penalti jika saya melakukan kesalahan semasa memegang lesen P?	Jika anda mengumpul lebih dari 10 mata demerit, lesen P anda boleh dibatalkan.
2.	Adakah saya perlu menghadiri kursus khas sebelum menukar lesen P ke CDL?	Tidak, anda hanya perlu memohon pertukaran di JPJ selepas tempoh 2 tahun.
3.	Jika saya gagal memperbaharui lesen P selepas dua tahun, apakah yang perlu saya lakukan?	Anda diberikan 1 tahun tambahan untuk menukar ke CDL. Jika terlepas tempoh ini, anda perlu mengambil semula ujian.

4.	Bolehkah saya menukar lesen P ke CDL lebih awal jika saya mempunyai rekod pemanduan yang baik?	Tidak, tempoh lesen P adalah tetap 2 tahun.
5.	Jika saya memiliki lesen P untuk motosikal dan kereta, adakah saya boleh menukar salah satu dahulu?	Ya, anda boleh menukar salah satu dahulu jika mahu.
6.	Adakah saya boleh mendapatkan CDL secara automatik selepas tamat tempoh lesen P?	Tidak, anda perlu membuat permohonan di JPJ untuk mendapatkan CDL.
7.	Jika saya kehilangan lesen P sebelum tamat tempoh, apakah prosedur untuk menggantikannya?	Buat laporan polis dan bawa ke JPJ untuk mendapatkan lesen gantian.
8.	Adakah terdapat had masa selepas lesen P tamat sebelum saya perlu mengambil semula ujian?	Ya, anda mempunyai 1 tahun selepas tamat lesen P untuk menukar ke CDL.
9.	Jika saya mengumpul mata demerit semasa lesen P, adakah ia akan memberi kesan kepada CDL saya?	Ya, jika anda mengumpul terlalu banyak mata demerit, lesen P boleh dibatalkan dan anda perlu mengambil semula ujian.
10.	Bolehkah saya menggunakan lesen P Malaysia untuk memandu di luar negara sebelum mendapat CDL?	Sesetengah negara membenarkan, tetapi lebih baik semak peraturan negara tersebut sebelum memandu.
11.	Adakah lesen P saya akan diberikan serentak untuk kedua-dua kelas lesen?	Jika anda lulus kedua-dua ujian praktikal dalam tempoh yang sama, ya. Jika lulus berasingan, lesen P akan dikeluarkan secara berasingan.

12.	Bagaimana jika saya lulus ujian untuk satu kelas tetapi gagal dalam kelas lain?	Anda akan mendapat lesen P untuk kelas yang lulus, dan perlu mengulang ujian bagi kelas yang gagal.
13.	Jika saya sudah mendapat lesen P untuk satu kelas, adakah saya perlu ulang KPP jika ingin tambah kelas lain kemudian?	Tidak, anda hanya perlu menjalani latihan dan ujian praktikal untuk kelas baru.
14.	Berapa lama tempoh lesen P sebelum saya boleh mendapatkan CDL?	Dua tahun tanpa kesalahan lalu lintas yang serius.
15.	Adakah saya perlu membuat sebarang ujian tambahan sebelum menukar lesen P ke CDL?	Tidak, hanya perlu membuat permohonan di JPJ setelah tempoh lesen P tamat.
16.	Jika saya mempunyai dua kelas lesen P, adakah saya perlu menukar kedua-duanya ke CDL serentak?	Tidak wajib, anda boleh menukar satu dahulu dan satu lagi kemudian.
17.	Adakah saya perlu membayar caj tambahan jika menukar kedua-dua lesen P ke CDL serentak?	Tidak, caj tetap sama seperti penukaran lesen biasa.
18.	Bagaimana jika saya terlepas tarikh untuk menukar lesen P ke CDL?	Anda diberikan tempoh 1 tahun selepas lesen P tamat untuk menukar ke CDL. Jika tidak, perlu mengambil semula ujian.
19.	Apakah prosedur jika saya kehilangan lesen P sebelum menukar ke CDL?	Buat laporan polis dan bawa salinan ke JPJ untuk mendapatkan salinan lesen P sebelum menukar ke CDL.

20.	Jika saya melakukan kesalahan jalan raya semasa lesen P, adakah ia akan menjelaskan lesen CDL untuk kedua-dua kelas?	Ya, jika anda mengumpul lebih daripada 10 mata demerit, lesen P akan dibatalkan untuk kedua-dua kelas.
-----	--	--